

## **BANK ISLAM LANCAR SALURAN PENDAFTARAN LENGKAP MUDAH ALIH UNTUK SEDIA PERKHIDMATAN PERBANKAN DEPAN PINTU**

*Perkhidmatan baharu membolehkan pembukaan akaun dan pengeluaran kad debit serta-merta, tanpa perlu ke cawangan untuk proses pengesahan*

**KUALA LUMPUR, Isnin, [8 Februari 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menempa satu lagi kejayaan dalam usaha pendigitalannya dengan muncul sebagai bank pertama di Malaysia menggunakan saluran pendaftaran mudah alih ("*mobile onboarding* - MOB") untuk pelanggan runcit yang akan menyediakan perkhidmatan pembukaan akaun lengkap termasuk pengeluaran kad debit serta-merta melalui janji temu.

Perkhidmatan perbankan depan pintu ("*door-step banking*") baharu melalui MOB akan mempercepat lagi proses pembukaan akaun sedia ada dan membolehkan pengeluaran nombor akaun dan kad debit dibuat dengan serta-merta. Perkhidmatan baharu ini tidak lagi memerlukan para pelanggan untuk hadir ke cawangan yang terdekat bagi proses pengesahan berbanding kaedah terdahulu.

MOB menggunakan peranti tablet dengan perisian khusus yang membolehkan pembukaan beberapa jenis produk Akaun Semasa dan Akaun Simpanan ("*CASA*") serta Akaun Pelaburan seperti Al-Awfar dan iGain. Ia bertujuan untuk memberikan kemudahan dan fleksibiliti kepada pelanggan di samping memberikan pengalaman perbankan yang selamat dan cekap, dengan mengambil kira situasi pandemik dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ("*PKP*") pada masa ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Perkhidmatan perbankan depan pintu ini mudah dan menyenangkan pelanggan. Ia selamat dan menyenangkan apabila transaksi perbankan dilakukan dengan keberadaan kakitangan kami mengikut ruang dan waktu kelapangan pelanggan sendiri."

Tambah beliau, “Sebagai sebuah Bank yang menekankan inovasi dan keselesaan, kami berhasrat untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan memastikan produk dan perkhidmatan Bank Islam seiring dengan trend dan keperluan semasa. Pengenalan MOB ini tepat pada masanya kerana COVID-19 tidak hanya menyukarkan pergerakan orang ramai tetapi juga meningkatkan keperluan kami untuk beralih ke perkhidmatan perbankan inovatif yang cekap dan menjamin keselamatan orang ramai.”

Sebelum ini, Bank Islam telah memperkenalkan platform Pembukaan Akaun Maya (“VAO”), yang mana pelanggan boleh mengisi maklumat mereka secara atas talian tetapi memerlukan proses pengesahan diselesaikan di cawangan.

Proses pembukaan akaun menggunakan MOB hanya akan mengambil masa 6 minit termasuk penyediaan kad debit dan tiada sebarang caj dikenakan. Perkhidmatan hanya dengan janji temu ini tersedia di seluruh negara dari jam 9:00 pagi hingga 10:00 malam setiap hari, tertakluk kepada prosedur operasi standard (“SOP”) yang ditetapkan Kerajaan.

Untuk membuat janji temu bagi perkhidmatan ini, pelanggan boleh mengisi borang secara atas talian di pautan <https://vao.bankislam.com.my/sales/>, dan kakitangan Bank Islam akan menghubungi pelanggan untuk mengesahkan permohonan tersebut. Pelanggan hanya perlu menyediakan MyKad dan dokumen sokongan lain yang berkaitan semasa janji temu.

“Bank Islam amat komited terhadap pematuhan SOP untuk memastikan keselamatan pelanggan dan kakitangan kami terus terjaga setiap masa. Ia termasuk memastikan kakitangan Bank Islam sihat, lokasi janji temu yang dipilih adalah selamat dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal,” tambah Muazzam lagi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai

produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p><b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>.</p>	<p><b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
---	--